



Surat Kami : 100 – HEA (6/4)  
Tarikh : 21 Mei 2020

Semua Dekan  
Semua Rektor  
Universiti Teknologi MARA

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

**ARAHAN PENANGGUHAN PELAKSANAAN KULIAH 3B BAGI SEMUA PELAJAR PRA DIPLOMA, DIPLOMA, SARJANA MUDA DAN PASCAIJAZAH (KERJA KURSUS) DI SELURUH SISTEM UiTM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pelaksanaan kuliah 3B yang dijadualkan bermula 4 Jun 2020 seperti mana yang ditetapkan dalam pindaan Kalendar Akademik bagi Sesi II dan Sesi III 2019/2020 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat ke 256 (Khas) pada 3 April 2020 adalah **DITANGGUHKAN** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, tertakluk kepada kebenaran bertulis Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penangguhan ini dibuat setelah mengambilkira perkara berikut :

- a.) Pihak kerajaan telah melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020 dalam usaha membendung wabak COVID-19 daripada terus merebak.
- b.) Jabatan Pendidikan Tinggi juga melalui surat Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bersemuka di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bertarikh 27 April 2020 juga menekankan agar UA dan IPTS tidak tergesa-gesa mengambil keputusan memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dengan memanggil pelajar kembali ke kampus sehingga Kerajaan memutuskan dan memberi kebenaran untuk berbuat demikian.


3. Pihak kami juga sedang meneliti dan mempertimbangkan permohonan Fakulti dan Kampus berkaitan kod kursus dan jumlah pelajar yang dicadangkan untuk pelaksanaan kuliah 3B.

Semua fakulti dan kampus dimohon memaklumkan perkara ini kepada semua warga fakulti dan kampus masing-masing.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar



**PROF. TS. DR. HJ. MOHAMED KAMAL HJ. HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

s.k 1. Naib Canselor

2. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar
3. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
4. Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni
5. Timbalan Naib Canselor Pembangunan
6. Pendaftar